

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	20/11/2019	MUKA SURAT : 11
JABATAN	:	JPS / BANJIR	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# Monsoon ingatkan tragedi Bah Kuning 2014

Mohd Aizat  
Shamsuddin



**Apabila** tibanya musim Monsoon Timur Laut, iaitu bermula November hingga Mac, dalam benak fikiran setiap orang ramai adalah banjir yang akan melanda, terutama di negeri Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Malah apabila masuk musim monsun ini, ketiga-tiga negeri ini menerima taburan hujan yang tinggi iaitu antara 300 hingga 650 milimeter (mm) sebulan berbanding bulan biasa hanya 200mm hingga 300mm.

Malah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) turut mema-malkan kali ini, negeri terbabit dan juga Johor dijangka akan menerima taburan hujan yang tinggi dengan empat hingga enam episod hujan lebat bermula November hingga Januari depan.

Keadaan ini tentu sekali meng-susutkan penduduk, terutama yang tinggal di kawasan rendah dan sering dinaiki air kerana bim-bang banjir besar bakal melanda lagi selepas 2014 yang mening-galkan memori yang cukup ter-kesan buat penduduk di Kelantan dan Terengganu.

Mengimbab kembali memori banjir besar 2014 atau dipanggil sebagai 'Bah Kuning' sememangnya meninggalkan kesan yang cukup mendalam buat saya dan juga keluarga yang menetap di Tanah

Merah, Kelantan walaupun ketika itu saya menetap di Kuala Lumpur.


Walaupun sejak zaman kanak-kanak hingga remaja, setiap kali tibanya musim monsun, yang sering diceritakan dan disampai-kan adalah Bah Merah yang ber-laku sekitar 1960-an dulu, namun kerana tidak lahir pada dekad itu membuatkan generasi muda tidak mendapat gambaran jelas mengenai banjir besar ketika itu.

Apabila menerima perkhaba-ran bahawa Gua Musang dilanda banjir teruk dan kemudiannya bandar Kuala Krai pula lumpuh kerana dinaiki air sehingga me-lebih paras bumbung rumah, ia memberi petanda kurang enak buat penduduk yang mendiami sepanjang Sungai Kelantan.

Dinaklumkan bahawa hujan ti-daklah terlalu lebat namun paras air yang naik secara mendadak ditambah pula dengan penduduk kampung yang kurang melaku-kan persediaan menghadapi ban-jir besar walaupun sering berde-pan dengan bencana ini, menyeb-abbkan keadaan menjadi cukup kelam kabut.

Ramai penduduk yang sebelum ini tidak pernah terjejas dengan banjir menjadi mangsa sehingga berpindah ke Semenanjung (PPS) se-perti sekolah, balai raya, masjid dan surau.

Malah PPS yang dibuka juga ada yang terpaksa ditutup apabila banjir melanda kawasan terbabit dan mangsa yang ditempatkan di tingkat bawah bangunan sekolah juga terpaksa dipindahkan ke tingkat lebih atas sehinggalah ke-



**Bah Kuning 2014** meninggalkan kesan mendalam kepada penduduk di Kelantan dan Terengganu.

(Foto Hiasan)

adaan PPS menjadi cukup sesak. Namun, ada keluarga tidak ber-pindah ke PPS kerana hanya ber-pindah ke rumah nenek yang ti-dak dinaiki air meskipun rumah itu hanya terletak kurang 100 me-ter dari tebingan Sungai Kelantan yang sudah melimpah dan me-lumpuhkan seluruh bandar.

Tetapi keadaan cukup menyek-sakan apabila bekalan makanan hampir habis dan bekalan elek-trik, air serta komunikasi terpu-kus sama sekali. Malah, saya yang ketika itu menetap di Kuala Lum-pur yang berada kira-kira 450 ki-lometer jauhnya, perasaan risau dan gusar sentiasa bermah di-hati memikirkan keadaan kelar-ga, apatah lagi tidak boleh ber-

komunikasi dengan keluarga di sana apabila talian telefon tidak berfungsi.

Apabila menerima panggilan dan mesej daripada ahli keluarga, ia cukup membuatkan hati tenang seketika. Pulang ke kampung se-lepas mendapat perkhabaran ba-hawa banjir sudah surut dan se-panjang perjalanan pulang apa-bila masuk saja ke Gua Musang dan kemudian menelusuri Kuala Krai hingga sampai ke rumah di Tanah Merah, melihat kesan pa-sacabanji sememangnya cukup menghibakan dan sukar ditung-kap dengan kata-kata.

Ternyata pascabanji lebih me-meritkan untuk membersihkan ru-mah dengan lumpur dan selut

yang tebal, namun apabila berjaya menyelesaikan operasi pembersi-han rumah, terasa seperti berada di rumah baharu walaupun ru-mah terbabit sudah didiami lebih 10 tahun dengan lebih 50 peratus perkakasan rumah dan perabot terpaksa dibuang.

Begitu ingatan yang sering kali bermain di fikiran saya dan juga orang ramai yang pernah terjejas dengan banjir besar 2014 atau Bah Kuning itu yang tidak akan luput daripada ingatan. Jika ditanya se-tiap orang, tentu sekali mereka melalui pengalaman sendiri un-tuk diceritakan, termasuk yang sukar diungkap dengan kata-kata apabila berdepan dengan keadaan lebih teruk dengan kediaman me-reka rosak teruk dan musnah ser-ta hanyut dibawa arus banjir.

Walaupun selepas tragedi 2014 terbabit, banjir yang melanda di Kelantan mahupun di Terengganu dan Pahang tidak seteruk tahun terbabit, namun persediaan pen-duduk sekarang boleh dikatakan berada pada tahap tertinggi.

Meskipun MetMalaysia mera-malkan banjir buruk bakal ber-laku, tetapi tidak seteruk jika ber-banding banjir besar atau Bah Kuning 2014.

Jika ditanya orang ramai, tentu sekali mereka tidak mahu lagi berdepan dengan banjir meski-pun setiap tahun banjir tetap akan berlaku kerana aturan alam, cu-ma besar atau tidak saja bergan-tung kepada taburan hujan yang turun.

Penulis adalah wartawan Berita Harian Terengganu